

**Zambry Arah Kajian Lanjut Aduan Operasi Kilang Simen Jejas Kesihatan Penduduk Bernama  
7 Ogos, 2012**

IPOH, 7 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir mengarahkan satu kajian lanjut dijalankan berhubung aduan penduduk di Sungai Siput mengenai operasi sebuah kilang simen berhampiran kawasan perumahan yang didakwa menjejaskan kesihatan dan persekitaran.

Beliau berkata kajian itu akan diketuai Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri Datuk Dr Mah Hang Soon bersama-sama jabatan atau agensi relevan.

"Ini merupakan pengajaran kepada kerajaan negeri dalam aspek pembangunan dan perancangan kawasan di Perak," katanya ketika ditemui pemberita pada Hari Bertemu Pelanggan kerajaan negeri di sini, Selasa.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai memorandum yang dihantar kepadanya oleh Jawatankuasa Bertindak Dovenby berhubung dakwaan masalah kesihatan penduduk di Taman Dovenby dan Kampung Ramasamy di Sungai Siput yang dikatakan terjejas akibat operasi sebuah kilang kuari di situ.

Mereka mendakwa kilang berkenaan mengeluarkan bunyi kuat, debu dan gegaran tanah yang menyebabkan keretakan dinding serta lantai rumah di samping tahap kesihatan anak-anak mereka dikatakan turut terjejas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686256>





